

ISU KRITIKAL PENGGUNAAN TULISAN JAWI DALAM PELAKSANAAN KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH: PANDANGAN PAKAR

Norhazliana Mohd Hasan Abdullah

Saedah Siraj

Zaharah Hussin

Norlidah Alias

Fakulti Pendidikan

Universiti Malaya

saedah@um.edu.my,

zaharah@um.edu.my & norlidah2007@yahoo.com

The purpose of this study was to obtain experts' consensus on critical issues about the use of Jawi in the Islamic Education curriculum in secondary schools. Ten individuals were chosen as participants for this research. They consisted two officers from the Islamic and Moral Unit at the District Education Office, an expert teacher experienced in developing new Jawi methods for the National Language and Literary Agency(Dewan Bahasa dan Pustaka). The others were Islamic Education teachers with more than ten years' experience in teaching at the secondary school level. In conclusion, holistically the experts had agreed with almost all the items in the "three rounds" Delphi Technique. The findings from this study show that 15 problems are confronted by Islamic Education teachers while nine problems are faced by students. Fourteen suggestions for solving all teachers' problems are given and seven alternatives are suggested for solving the students' problems.

Amat Juhari Moain (1995) telah membincangkan tentang sejarah keagungan tulisan Jawi yang berasal dari tulisan Arab dan memasuki Alam Melayu pada abad ketiga hijrah bersama dengan kedatangan Islam. Antara buktinya, batu nisan di Kedah (290H/898M) dan juga surat keizinan yang telah dikeluarkan oleh Sultan Kerajaan Aceh sekitar tahun 1602 untuk menjalankan perniagaan

kepada seorang pedagang Inggeris yang bernama Middleton dalam tulisan Jawi (Amat Juhari Moain, 1991). Begitu juga surat menyurat dalam bahasa Melayu dalam kalangan pemerintah turut menggunakan tulisan Jawi sebagai tulisan rasmi.

Ini secara jelas menerangkan bahawa tulisan Jawi adalah satu-satunya tulisan asal orang-orang Melayu yang menjadi milik dan identiti orang Melayu malah mempunyai peranan yang besar terhadap pembinaan tamadun bangsa khususnya dalam bidang ilmu pengetahuan. Namun tulisan Jawi semakin terhakis dewasa ini dengan bertambahnya bilangan individu yang dikategorikan buta Jawi. Tulisan Jawi di Malaysia hari ini ibarat '*hidup segan mati tak mahu*' (Ishak Abd Manaf, 2006).

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memainkan peranan yang besar dalam memelihara dan menyuburkan kembali tulisan Jawi. Antara langkah awal yang dilakukan ialah memperuntukkan waktu pengajaran Jawi yang mula diajar di peringkat sekolah rendah dimulakan dengan murid-murid darjah tiga dan digabungkan bersama dengan Pendidikan Islam. Walau bagaimanapun, dari maklum balas yang diterima oleh KPM semasa membuat pengesahan ke sekolah-sekolah rendah, pelaksanaannya adalah kurang memuaskan (Nur Izzun Ibrahim, 2006). Ekoran daripada maklum balas ini Jawatankuasa penyelaras pelaksanaan KBSR/KBSM pada 6 November 1990 telah memutuskan bahawa tulisan Jawi perlu diajar dari darjah satu mulai dari Disember 1990. Pengajaran Jawi masih lagi berada dalam waktu yang diperuntukkan untuk pengajaran Islam, tetapi telah ditetapkan bahagiannya iaitu satu waktu seminggu (30 minit).

Namun hasil yang dikehendaki oleh KPM dalam memperkasakan kembali tulisan Jawi masih belum tercapai sepenuhnya. Kajian-kajian lepas banyak membentangkan kelemahan pelajar dalam menguasai kemahiran tulisan Jawi. Disebabkan fenomena yang tidak menyenangkan ini mendorong pengkaji melakukan kajian untuk mengetahui apakah isu-isu kritikal penggunaan tulisan Jawi dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam di peringkat sekolah menengah.

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas pakar terhadap masalah-masalah penggunaan tulisan Jawi dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam di peringkat sekolah menengah. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mendapatkan persetujuan pakar terhadap cadangan penyelesaian kepada masalah yang wujud.

Soalan Kajian

Soalan-soalan kajian berikut akan dijawab dalam kajian yang telah dijalankan:

1. Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh guru dan pelajar Pendidikan Islam dalam penggunaan tulisan Jawi dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam peringkat sekolah menengah pada pandangan pakar?
2. Apakah langkah-langkah yang dapat dilaksanakan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh guru dan pelajar Pendidikan Islam dalam penggunaan tulisan Jawi dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam sekolah menengah pada pandangan pakar?

Model Pelaksanaan Kurikulum

Daripada tinjauan literatur, terdapat pelbagai model pelaksanaan kurikulum. Walau bagaimanapun dalam artikel ini, penulis hanya akan memberi tumpuan dalam membincang Educational Change Model (Jadual 1) yang dipelopori oleh Fullan (1983).

Jadual 1

Faktor-faktor Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum

-
- A. Faktor-faktor perubahan
 1. Keperluan dan relevan perubahan
 2. Kejelasan
 3. Kompleksiti
 4. Kualiti dan praktikalnya program
 - B. Faktor-faktor di peringkat daerah
 1. Sejarah melaksanakan inovasi
 2. Proses pengubahsuaian
 3. Sokongan dan penglibatan pentadbir peringkat pusat
 4. Perkembangan staf
 5. Kesesuaian masa dan sistem maklumat
 6. Ciri-ciri pelaksanaan kurikulum di peringkat sekolah
 - C. Faktor-faktor di peringkat sekolah
 1. Ciri-ciri kepimpinan pengetua
 2. Ciri-ciri guru dan hubungannya dengan staf lain
 3. Ciri-ciri keperluan pelajar
 - D. Faktor-faktor luaran dan sistem setempat
 1. Peranan agensi kerajaan
 2. Faktor Kewangan
-

Sumber: Diubah suai daripada M. C. Fullan (1983). Evaluating program implementation: What can be learned from follow through. *Curriculum Inquiry*, 13(2), 222.

Andaian dalam model ini ialah kejayaan sesuatu perubahan melibatkan keperluan, kejayaan, kompleksiti, kualiti program serta bagaimana pihak yang terlibat dalam melaksanakan kurikulum memahami konsep-konsep yang terlibat dalam pelaksanaan. Antara faktor utama yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan dapat dilihat dalam Jadual 1.

Model ini menekankan bahawa pihak yang terlibat dengan pelaksanaan kurikulum perlu memahami ciri-ciri yang sesuatu perubahan akan dilaksanakan. Jika pihak yang terlibat gagal memahami perubahan maka perubahan akan gagal dan seterusnya mempengaruhi keseluruhan kurikulum. Kejelasan matlamat dan objektif penting untuk memastikan kejayaan pelaksanaan kurikulum. Guru dan pelajar merupakan pihak yang terlibat secara langsung dari segi keperluannya untuk membezakan kehendak semasa dengan hasrat yang dirancang. Dalam konteks kajian ini guru Pendidikan Islam perlu memahami objektif kurikulum Pendidikan Islam yang dirancang oleh Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) dengan pelaksanaan kurikulum yang sebenar. Antara objektifnya ialah pelajar mahir dalam bacaan dan tulisan Jawi. Walau bagaimanapun menurut Nik Safiah Karim (1998), walaupun Kementerian Pelajaran memperuntukkan pengajaran Jawi diajar dalam subjek Pendidikan Islam namun dari segi praktikalnya hal ini tidak berlaku dengan berkesan.

Metodologi Kajian

Kajian ini telah menggunakan teknik Delphi untuk membentuk konsensus tentang topik mengenai isu-isu penggunaan tulisan Jawi dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam sekolah menengah. Menurut Prayun (1970), Teknik Delphi merupakan satu prosedur mencari konsensus di antara ahli kumpulan mengenai masa depan, keperluan kuantitatif yang menggunakan soal selidik dan bukannya dengan cara bersemuka. Helmer (1977) menjelaskan lagi teknik Delphi adalah satu alat komunikasi antara satu kumpulan pakar yang membantu kepada pembentukan satu keputusan berkumpulan (*group judgement*). Wissema (1982) menegaskan teknik Delphi sebagai satu teknik penjelajahan *monovariable* untuk teknologi ramalan dan ia dibentuk sedemikian untuk memudahkan perbincangan dan komunikasi antara pakar berjalan tanpa gangguan perlakuan sosial dalam suatu kesimpulan atau pendapat. Linston dan Turoff (1973) menyatakan teknik Delphi sebagai satu ciri-ciri kaedah yang menstrukturkan proses komunikasi berkumpulan menjadi lebih berkesan antara kumpulan individu atau keseluruhannya semasa menyelesaikan masalah-masalah yang kompleks.

Berdasarkan tujuan kajian yang telah dinyatakan, maka didapati bahawa teknik Delphi merupakan kaedah yang terbaik untuk memperolehi persetujuan pakar tentang masalah-masalah penggunaan tulisan Jawi yang dihadapi oleh guru dan pelajar dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam peringkat sekolah menengah serta cadangan penyelesaian terhadap masalah yang wujud.

Panel Pakar

Bagi tujuan kajian ini, individu yang dikenal pasti sebagai pakar adalah memiliki kriteria-kriteria berikut: (1) Golongan profesional yang memiliki pengalaman mengajar Pendidikan Islam di sekolah menengah lebih dari 10 tahun; (2) Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya Sarjana Muda dalam Pendidikan Islam atau Pengajian Islam; (3) Pernah mengikuti Kursus Kaedah Baru Tulisan Jawi yang telah disempurnakan edisi DBP; dan (4) Individu yang sanggup untuk mengambil bahagian dalam ketiga-tiga pusingan teknik Delphi. Oleh itu, seramai 10 orang pakar telah dikenal pasti dan dilantik menjadi panel pakar. Mereka terdiri daripada dua orang daripada Unit Pendidikan Islam dan Moral di Pejabat Pelajaran Daerah, seorang guru pakar tulisan Jawi yang terlibat dalam Majlis Penggubalan Kaedah Tulisan Jawi Kaedah DBP, manakala selebihnya adalah guru Pendidikan Islam di sekolah menengah yang telah bertugas melebihi 10 tahun dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam peringkat sekolah menengah.

Prosedur Pengumpulan Data

Pengumpulan data dilakukan bagi ketiga-tiga pusingan Delphi dan huriaian bagi setiap pusingan dijelaskan di bawah.

Pusingan 1

Pakar telah ditemui bual untuk mendapatkan maklumat tentang masalah penggunaan tulisan Jawi yang dihadapi oleh guru dan pelajar dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam di sekolah menengah. Pakar juga diminta memberi cadangan penyelesaian masalah-masalah yang wujud dalam pelaksanaan kurikulum tersebut. Dapatan daripada temu bual ini dijadikan asas membentuk soal selidik yang akan digunakan dalam pusingan seterusnya.

Pusingan 2

Skala Likert digunakan untuk menentukan kesepakatan pakar dalam menentukan masalah penggunaan tulisan Jawi yang dihadapi oleh guru

dan pelajar dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam di sekolah menengah dan cadangan penyelesaian serta mendapatkan persetujuan sejauh mana masalah itu dipandang berat atau ringan oleh pakar. Dalam pusingan ini, senarai masalah yang dihadapi oleh guru dan pelajar serta cadangan penyelesaian telah disusun mengikut skala Likert 4 poin untuk mendapatkan konsensus. Ukuran skala Likert yang telah digunakan ialah:

sangat setuju	= 4
setuju	= 3
tidak setuju	= 2
sangat tidak setuju	= 1

Pusingan 3

Prosedur untuk pusingan ketiga sama dengan pusingan kedua. Soal selidik yang sama dalam pusingan kedua serta dimasukkan tambahan pandangan pakar telah dihantar sekali lagi dalam pusingan ketiga. Median dan julat antara kuartil disertakan bagi menunjukkan taburan pandangan pakar bagi setiap item. Panel pakar diberi peluang untuk mempertimbangkan semula jawapan dalam pusingan sebelumnya. Dalam pusingan ketiga, pandangan pakar yang tidak setuju dengan pandangan kumpulan juga dimasukkan selepas diberi jadual untuk dibaca dan peluang diberi untuk membandingkan dan menyatukan pandangan dengan pakar lain.

Jawapan pakar bagi pusingan ini meliputi salah satu daripada kemungkinan berikut:

1. Tetap dengan jawapan sebelumnya jika jawapan dalam pusingan sebelumnya berada di dalam julat antara kuartil.
2. Pakar mungkin mengubah jawapan asal jika jawapan sebelumnya berada di luar julat antara kuartil.
3. Pakar tetap dengan jawapan di luar julat antara kuartil dengan menyertakan sebab jawapan tersebut dikekalkan.

Tujuan pusingan ketiga ini adalah untuk merapatkan jurang perbezaan pandangan dan pendapat dalam kalangan pakar dan secara tidak langsung untuk mencapai konsensus.

Prosedur Analisis Data

Dalam pusingan pertama hasil dari temu bual dengan pakar, dapatan telah dianalisis mengikut tema-tema tertentu. Untuk kajian ini, empat tema telah dikenal pasti iaitu (a) Masalah yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam

dalam penggunaan Jawi dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam peringkat sekolah menengah; (b) Masalah yang dihadapi oleh pelajar Pendidikan Islam dalam penggunaan Jawi dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam peringkat sekolah menengah; (c) Cadangan yang dapat mengatasi masalah yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam dalam penggunaan tulisan Jawi dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam sekolah menengah; dan (d) Cadangan yang dapat mengatasi masalah yang dihadapi pelajar Pendidikan Islam dalam penggunaan tulisan Jawi dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam sekolah menengah.

Untuk pusingan kedua dan ketiga, dapatkan telah dianalisis dengan menggunakan kekerapan, median dan julat antara kuartil untuk melihat jangkaan berdasarkan persetujuan pakar maka skor median telah digunakan. Skor median yang telah digunakan bagi tahap persetujuan masalah dan cadangan ialah:

Sangat setuju	: 3.5 – 4.0
Setuju	: 3.0 – 3.49
Tidak setuju	: 2.0 – 2.99
Sangat tidak setuju	: 1.0 – 1.99

Berdasarkan skor median tersebut, sekiranya skor median yang diperoleh melalui pandangan majoriti pakar terhadap item kepada bentuk masalah-masalah yang wujud atau cadangan penyelesaian berada pada tahap 3.5 hingga 4.0 maka item berkenaan berada pada tahap sangat setuju pada majoriti pakar; jika mediannya antara 3.0 – 3.49 bermakna majoriti pakar setuju. Seterusnya, panel pakar tidak setuju jika skor median adalah antara 2.0 – 2.99 dan jika skor median adalah antara 1.0 – 1.99 bermakna majoriti pakar sangat tidak setuju dengan item berkenaan.

Konsensus Item

Pengiraan julat antara kuartil digunakan untuk menentukan perhubungan setiap item dengan setiap pakar bagi membolehkan interpretasi terhadap konsensus bagi setiap item dilakukan. Tahap konsensus ditentukan berdasarkan skor julat antara kuartil seperti berikut:

Konsensus Tinggi	: Julat antara kuartil antara 0 hingga 1
Konsensus Sederhana	: Julat antara kuartil antara 1.01 hingga 2.0
Tiada konsensus	: Julat antara kuartil antara 2.01 dan ke atas.

Berdasarkan julat antara kuartil, seandainya item yang dipilih oleh pakar berada pada julat antara kuartil 0 hingga 1 maka item berkenaan telah berada pada tahap konsensus yang tinggi, ini bermakna pakar bersepakat

untuk memberi jawapan yang sama terhadap item tersebut. Manakala tahap kesepakatan pandangan mereka berada pada tahap sederhana sekiranya skor Julat Antara Kuartil (JAK) berada pada nilai 1.01 hingga 2.00. Namun, tiada kesepakatan pandangan dalam kalangan panel pakar sekiranya skor JAK adalah melebihi nilai 2.01.

Analisis Data

Semua maklum balas daripada pakar bagi ketiga-tiga pusingan dianalisis bagi memperoleh konsensus dalam kalangan pakar. Dengan ini, data akan dianalisis menggunakan Ukuran Kecenderungan Berpusat (UKB) iaitu median dan julat antara kuartil. Dalam **pusingan pertama**, seramai lapan ahli panel pakar telah ditemui bual untuk mendapatkan pandangan mereka tentang jangkaan isu-isu kritikal penggunaan tulisan Jawi dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam peringkat sekolah menengah.

Panel pakar telah mengenal pasti sebanyak 11 jenis masalah yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam dan ini telah disenaraikan dan dibahagikan kepada empat aspek iaitu lima item aspek kelemahan sistem pelaksanaan kurikulum, dua item aspek kekurangan bahan bantu mengajar, tiga item aspek kelemahan guru Pendidikan Islam dan satu item aspek kelemahan tulisan Jawi. Sementara itu, panel pakar juga telah mendapat terdapat enam item masalah yang dihadapi oleh pelajar Pendidikan Islam di sekolah menengah dalam melestarikan pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam dengan penggunaan tulisan Jawi. Kesemua masalah tersebut dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu tiga item aspek kekurangan bahan bantu belajar, dua item aspek kelemahan sikap pelajar sendiri, dan satu item aspek kelemahan tulisan Jawi.

Panel pakar kemudian memberi sembilan cadangan jangkaan penyelesaian yang dijangkakan dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam. Ini turut dibahagikan kepada tiga tema iaitu empat item aspek penambahbaikan sistem pelaksanaan kurikulum, tiga item aspek penyediaan bahan bantu mengajar dan dua item aspek bantuan kepada guru Pendidikan Islam. Manakala lima cadangan diberikan oleh panel pakar yang dijangkakan dapat membantu pelajar mengatasi masalah dihadapi. Ia turut dibahagikan kepada tiga tema iaitu dua item aspek penambahbaikan sistem pelaksanaan kurikulum, dua item aspek penyediaan bahan bantu belajar dan satu item aspek bantuan daripada guru Pendidikan Islam.

Pada **pusingan kedua**, setiap pakar diminta menjawab soalan soal selidik yang telah disusun mengikut skala Likert 1 – 4 bagi item masalah dan cadangan. Pakar juga diberi peluang untuk memberi cadangan item tambahan.

Selepas jawapan diterima, analisis median dan julat antara kuartil dijalankan. Median digunakan untuk melihat tahap persetujuan majoriti pakar manakala julat antara kuartil (JAK) untuk melihat kesepakatan panel pakar bagi sesuatu item. Item juga disusun mengikut tema dan tahap persetujuan berdasarkan skor median yang diperoleh oleh sesuatu item itu.

Pada **pusingan ketiga**, soal selidik yang dihantar kepada panel pakar dalam pusingan ini adalah sama dengan pusingan kedua. Dalam pusingan ini panel pakar diberi peluang untuk mempertimbangkan semula jawapan asal mereka atau mengubahnya. Pada pusingan ini, data dianalisis berdasarkan median dan JAK. Dapatkan daripada analisis dalam pusingan ini akan digunakan untuk menjawab soalan-soalan kajian dan akan ditunjukkan dalam jadual-jadual seterusnya.

Analisis Masalah Yang Dihadapi Oleh Guru Pendidikan Islam Menggunakan Tulisan Jawi Dalam Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam

Analisis masalah yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam dibahagikan kepada empat bahagian iaitu aspek kelemahan sistem pelaksanaan kurikulum, aspek kekurangan bahan bantu mengajar, aspek kelemahan guru Pendidikan Islam dan aspek kelemahan tulisan Jawi.

Jadual 2 menunjukkan bahawa kesemua item telah mencapai tahap persetujuan dan kesepakatan yang tinggi dengan skor JAK ialah 1 dan item 5 merupakan item yang telah mencapai tahap konsensus yang paling tinggi dengan skor JAK ialah 0. Majoriti pakar bersetuju dengan item-item masalah yang ditunjukkan dengan meletakkan skor median ialah 3 dan item 3 memperolehi skor median ialah 3.5.

Jadual 3 menunjukkan dalam pusingan ketiga Delphi, majoriti pakar bersetuju dengan kesemua item masalah dengan skor median ialah 3. Item-item tersebut juga mencapai tahap konsensus yang tinggi bagi item 1 dan 3 dengan skor JAK ialah 1, manakala item 2 pula tahap kesepakatan pakar adalah sangat tinggi dengan skor JAK ialah 0.

Jadual 4 merupakan hasil analisis data pusingan ketiga bagi aspek kelemahan guru Pendidikan Islam. Majoriti pakar menyatakan tahap persetujuan dengan skor median ialah 3 bagi kesemua item yang disenaraikan. Tahap konsensus item dalam kalangan pakar juga adalah sangat tinggi dengan skor JAK ialah 0 bagi item 1 dan 2 dan skor JAK ialah 1 bagi item 3.

Jadual 5 menunjukkan hanya 1 sahaja item yang disenaraikan di bawah aspek kelemahan tulisan Jawi. Tahap persetujuan pakar terhadap item tersebut adalah sangat tinggi dengan skor JAK ialah 0 dan median ialah 3.

Jadual 2

Rumusan Analisis Data Pusingan Ketiga bagi Masalah yang Dihadapi oleh Guru Pendidikan Islam: Kelemahan Sistem Pelaksanaan Kurikulum

Bil	Item	Median	JAK
Aspek Sistem Kelemahan Pelaksanaan Kurikulum			
1	Kemahiran asas menguasai tulisan Jawi hanya di sekolah rendah tetapi tidak di sekolah menengah, sedangkan masih ramai pelajar yang belum menguasai kemahiran tulisan Jawi di sekolah menengah	3	1
2	Tiada peruntukan masa khas untuk mengajar Jawi sehingga menyebabkan GPI terpaksa menggunakan masa P&P Pend Islam	3	1
3	Guru terikat untuk menghabiskan sukanan pelajaran	3.5	1
4	Tumpuan lebih kepada penguasaan isi kandungan Pendidikan Islam berbanding dengan kemahiran menguasai tulisan Jawi	3	1
5	Sistem Peperiksaan yang menimbulkan kesan yang berbeza, iaitu terlalu kurang markah penilaian dalam penguasaan tulisan Jawi	3	0
6	Saiz kelas terlalu besar, oleh itu guru Pendidikan Islam sukar untuk mengajar kemahiran kerana terdapat kepelbagaiannya kebolehan di dalam kelas	3	1
7	Beban tugas GPI yang banyak menyebabkan kemahiran penguasaan Jawi dipinggirkan	3	1
8	Tiada aktiviti sokongan untuk mendorong pelajar meningkatkan penguasaan dalam tulisan Jawi seperti peperiksaan khas/ sijil Jawi	3	1

Jadual 3

Rumusan Analisis Data Pusingan Ketiga bagi Masalah Guru Pendidikan Islam: Bahan Kekurangan Bantu Mengajar

Bil	Item	Median	JAK
Aspek Kekurangan Bahan Bantu Mengajar			
1	Kurang bahan bantu mengajar yang sesuai	3	1
2	Kurang kemudahan untuk mendapatkan bahan rujukan tulisan Jawi	3	0
3	Perisian tulisan Jawi tidak dimasukkan dalam komputer-komputer di sekolah menyebabkan penyediaan bahan-bahan untuk P&P tulisan Jawi menghadapi kesukaran	3	1

Jadual 4

*Rumusan Analisis Data Pusingan Ketiga bagi Masalah Guru Pendidikan Islam:
Kelemahan Guru Pendidikan Islam*

Bil	Item	Median	JAK
Aspek Kelemahan Guru Pendidikan Islam			
1	Guru Pendidikan Islam kurang pengetahuan tentang perkembangan tulisan Jawi terutama dari segi ejaan yang telah diselaraskan kaedah Dewan Bahasa dan Pustaka	3	0
2	Latihan guru yang masih tidak mencukupi	3	0
3	Guru yang tidak menggunakan sepenuhnya tulisan Jawi dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam	3	1

Jadual 5

*Rumusan Analisis Data Pusingan Ketiga bagi Masalah Guru Pendidikan Islam:
Kelemahan Tulisan Jawi*

Bil	Item	Median	JAK
Aspek Kelemahan Tulisan Jawi			
1	Tiada keseragaman tulisan Jawi dalam perkataan baru yang diadaptasikan dari bahasa Inggeris dan Latin	3	0

Analisis Masalah Yang Dihadapi Oleh Pelajar Pendidikan Islam Menggunakan Tulisan Jawi Dalam Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam

Terdapat lima bahagian yang telah dibahagikan dalam analisis masalah yang dihadapi oleh pelajar Pendidikan Islam menggunakan tulisan Jawi dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam iaitu: aspek kelemahan sistem pelaksanaan kurikulum, aspek kekurangan bahan bantu belajar, aspek sikap pelajar Pendidikan Islam, aspek kelemahan tulisan Jawi dan aspek ketiadaan sokongan luar.

Jadual 6 menunjukkan hanya terdapat satu item yang disenaraikan di bawah aspek kelemahan sistem pelaksanaan kurikulum. Majoriti pakar menyatakan persetujuan terhadap item tersebut dengan skor median ialah 3. Item tersebut juga mencapai tahap konsensus yang tinggi dengan skor JAK ialah 1.

Jadual 7 sekali lagi menunjukkan tahap konsensus yang tinggi dalam pusingan Delphi yang ketiga dengan skor JAK 1 pada item 1 dan 3, manakala item 2 tahap konsensus berada sangat tinggi dengan skor JAK ialah 0. Skor median bagi kesemua item ialah 3; ini bermakna majoriti pakar bersetuju terhadap item-item yang disenaraikan.

Jadual 6

Rumusan Analisis Data Pusingan Ketiga bagi Masalah Pelajar Pendidikan Islam:
Kelemahan Sistem Pelaksanaan Kurikulum

Bil	Item	Median	JAK
Aspek Sistem Kelemahan Pelaksanaan Kurikulum			
1	Pelajar tidak diwajibkan menjawab soalan dalam Jawi	3	1

Jadual 7

Rumusan Analisis Data Pusingan Ketiga bagi Masalah Pelajar Pendidikan Islam:
Kekurangan Bahan Bantu Belajar

Bil	Item	Median	JAK
Aspek Kekurangan Bahan Bantu Belajar			
1	Kurang bahan bacaan dalam tulisan Jawi yang sesuai	3	1
2	Kurang bahan bantu belajar yang menarik	3	0
3	Buku teks yang dibekalkan tidak digunakan sepenuhnya kerana wujud alternatif buku rujukan bertulisan Rumi	3	1

Jadual 8 menunjukkan terdapat tiga item yang disenaraikan di bawah aspek sikap pelajar Pendidikan Islam. Majoriti pakar menyatakan sangat setuju terhadap item yang dinyatakan dengan memperoleh skor median 4. Tahap konsensus dalam kalangan pakar juga adalah tinggi bagi item 2 dan 3 dengan skor JAK ialah 1. Manakala skor JAK adalah 0 bagi item 1 bermakna tahap konsensusnya adalah sangat tinggi.

Jadual 8

Rumusan Analisis Data Pusingan Ketiga bagi Masalah Pelajar Pendidikan Islam:
Sikap Pelajar Pendidikan Islam

Bil	Item	Median	JAK
Aspek Sikap Pelajar Pendidikan Islam			
1	Sikap negatif seperti malas, mudah jemu, kurang minat, tiada usaha	4	0
2	Merasakan penguasaan kemahiran Jawi tiada nilai ekonomi	4	1
3	Anggapan tulisan Jawi tidak penting dan bukan penentu untuk lulus dalam peperiksaan	4	1

Jadual 9 menunjukkan tahap konsensus yang tinggi dengan skor JAK ialah 1 menyatakan majoriti tidak bersetuju dengan item kelemahan tulisan Jawi. Skor median bagi item tersebut ialah 2.5. Dalam pusingan ketiga Delphi, pakar telah menyatakan bahawa kaedah penulisan Jawi tidaklah sukar jika mengikut kaedah yang telah disusun dalam sistem penulisan dan ejaan Dewan Bahasa dan Pustaka. Oleh itu item ini akan dikeluarkan dalam perbincangan kesimpulan akhir dapatan kajian.

Jadual 10 menunjukkan tahap kesepakatan pakar adalah tinggi dengan skor JAK ialah 1. Majoriti pakar sangat setuju terhadap item yang telah disenaraikan dengan skor median ialah 3.5.

Jadual 9

Rumusan Analisis Data Pusingan Ketiga bagi Masalah Pelajar Pendidikan Islam: Kelemahan Tulisan Jawi

Bil	Item	Median	JAK
Aspek Kelemahan Tulisan Jawi			
1	Kaedah-kaedah penulisan Jawi yang terlalu banyak menyukarkan	2.5	1

Jadual 10

Rumusan Analisis Data Pusingan Ketiga bagi Masalah Pelajar Pendidikan Islam: Ketiadaan Sokongan Luar

Bil	Item	Median	JAK
Aspek Ketiadaan Sokongan Luar			
1	Kurang pendedahan dari ibu bapa, guru-guru dan masyarakat	3.5	1

Analisis Cadangan Jangkaan Penyelesaian Masalah Yang Dihadapi Oleh Guru Pendidikan Islam Menggunakan Tulisan Jawi Dalam Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam

Analisis cadangan jangkaan penyelesaian masalah yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam menggunakan tulisan Jawi dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu: aspek penambahbaikan sistem pelaksanaan kurikulum, aspek penyediaan bahan bantu mengajar, dan aspek bantuan kepada Pendidikan Islam.

Jadual 11 menunjukkan item 5 merupakan item telah memperoleh tahap konsensus yang paling tinggi iaitu skor JAK ialah 0 dan majoriti pakar juga sangat setuju dengan skor mediannya ialah 4. Bagi item-item yang lain tetap mencapai tahap konsensus yang tinggi dengan skor JAK ialah 1 bagi item 1, 2, 3, 4, 6 dan 7. Majoriti pakar juga bersetuju terhadap item tersebut dengan skor median masing-masing ialah 3.5 bagi item 1, 2, 6, dan 7 dan skor median ialah 3 bagi item 3 dan 4.

Jadual 11

Rumusan Analisis Data Pusingan Ketiga Cadangan Jangkaan Penyelesaian bagi Masalah Guru Pendidikan Islam: Penambahbaikan Sistem Pelaksanaan Kurikulum

Bil	Item	Median	JAK
Aspek Penambahbaikan Sistem Pelaksanaan Kurikulum			
1	Memperuntukkan waktu khas pelajaran Jawi di sekolah menengah	3.5	1
2	Menguat kuasakan penilaian Jawi dalam PMR dan SPM	3.5	1
3	Kemahiran Jawi sebagai salah satu objektif dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah	3	1
4	Menyediakan satu instrumen peperiksaan yang meletakkan kepentingan menguasai Jawi	3	1
5	Tambahan bilangan GPI untuk memantapkan lagi P&P tulisan Jawi seperti mana J-Qaf di sekolah rendah	4	0
6	Menyediakan sijil khas kemahiran tulisan Jawi	3.5	1
7	Pihak sekolah juga sewajarnya menyemarakkan lagi penggunaan tulisan Jawi melalui penekanan kepada guru Bahasa Melayu	3.5	1

Jadual 12 menunjukkan analisis data setelah menjalankan Delphi pusingan ketiga. Terdapat empat item yang disenaraikan dan kesemua item tersebut mencapai tahap konsensus yang tinggi dengan skor JAK adalah 1. Majoriti pakar juga bersetuju dengan kesemua item dan perolehan skor median ialah 3.5 bagi item 1 dan skor median ialah 3 bagi item 2, 3, dan 4.

Jadual 13 menunjukkan kesemua item mencapai tahap konsensus yang tinggi dengan skor JAK ialah 1 dan majoriti pakar bersetuju terhadap item yang disenarai dengan skor mediannya ialah 3.

Jadual 12

Rumusan Analisis Data Pusingan Ketiga Cadangan Jangkaan Penyelesaian bagi Masalah Guru Pendidikan Islam: Penyediaan Bahan Bantu Mengajar

Bil	Item	Median	JAK
Aspek Penyediaan Bahan Bantu Mengajar			
1	Menyediakan bahan bantu mengajar dalam tulisan Jawi yang sesuai untuk digunakan dalam waktu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam	3.5	1
2	Bahan media yang bersistemkan tulisan Jawi	3	1
3	Menyediakan satu makmal khas untuk Pendidikan Islam	3	1
4	Melengkapkan komputer-komputer disekolah dengan perisian tulisan Jawi untuk penyediaan bahan-bahan tulisan Jawi	3	1

Jadual 13

Rumusan Analisis Data Pusingan Ketiga Cadangan Jangkaan Penyelesaian bagi Masalah Guru Pendidikan Islam: Bantuan kepada Guru Pendidikan Islam

Bil	Item	Median	JAK
Aspek Bantuan Kepada Guru Pendidikan Islam			
1	Kursus penguasaan sistem tulisan Jawi baru kepada guru Pendidikan Islam	3	1
2	Guru Pendidikan Islam menggunakan tulisan Jawi sepenuhnya dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam	3	1
3	Mewajibkan pelajar merujuk buku teks sebagai bahan rujukan utama	3	1

Analisis Cadangan Jangkaan Penyelesaian Masalah Yang Dihadapi Oleh Pelajar Pendidikan Islam Menggunakan Tulisan Jawi Dalam Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam

Analisis cadangan jangkaan penyelesaian masalah yang dihadapi oleh pelajar Pendidikan Islam menggunakan tulisan jawi dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam turut dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu; aspek penambahbaikan sistem pelaksanaan kurikulum, aspek penyediaan bahan bantu belajar, dan aspek bantuan daripada guru Pendidikan Islam.

Jadual 14 menunjukkan tahap konsensus pakar adalah tinggi dengan skor JAK adalah 1 bagi kedua-dua item. Majoriti pakar bersetuju terhadap item 1 dengan skor mediannya ialah 3 dan sangat setuju terhadap item 2 dengan skor median adalah 4.

Jadual 14

Rumusan Analisis Data Pusingan Ketiga Cadangan Jangkaan Penyelesaian bagi Masalah Pelajar Pendidikan Islam: Penambahbaikan Sistem Pelaksanaan Kurikulum

Bil	Item	Median	JAK
Aspek Penambahbaikan Sistem Pelaksanaan Kurikulum			
1	Memperuntukkan kelas khas untuk kemahiran Jawi di sekolah menengah	3	1
2	Menyediakan kelas pemulihan Jawi secara intensif	4	1

Setelah pusingan ketiga kajian Delphi dilaksanakan, terdapat tiga item yang disenaraikan di bawah aspek penyediaan bahan bantu belajar. Kesemua item telah memperoleh tahap kesepakatan yang tinggi dengan skor JAK adalah 1. Manakala skor median pula ialah 4 bagi item 1 dan 3 dan skor median ialah 3 bagi item 2. Ini menunjukkan majoriti pakar bersetuju terhadap item cadangan jangkaan tersebut.

Jadual 15

Rumusan Analisis Data Pusingan Ketiga Cadangan Jangkaan Penyelesaian Masalah Pelajar Pendidikan Islam: Penyediaan Bahan Bantu Belajar

Bil	Item	Median	JAK
Aspek Penyediaan bahan bantu belajar			
1	Menyediakan bahan bacaan yang sesuai	4	1
2	Edaran akhbar bertulisan Jawi	3	1
3	Mengadakan sudut Jawi di sekolah di mana artikel bertulisan Jawi akan ditampal	4	1

Jadual 16 menunjukkan majoriti pakar meletakkan tahap sangat setuju dengan kedua-dua item yang telah disenarai dengan memperoleh skor mediannya ialah 4. Tahap kesepakatan pakar juga sangat tinggi terhadap item-item tersebut dengan skor JAK adalah 1.

Jadual 16

Rumusan Analisis Data Pusingan Ketiga Cadangan Jangkaan Penyelesaian bagi Masalah Pelajar Pendidikan Islam: Bantuan daripada Guru Pendidikan Islam

Bil	Item	Median	JAK
Aspek Bantuan Daripada Guru Pendidikan Islam			
1	Menyediakan latihan-latihan yang sesuai untuk ujian penguasaan Jawi	4	1
2	Mengadakan pertandingan membaca dan menulis Jawi	4	1

Rumusan Dapatkan

Berikut adalah rumusan yang dibina berdasarkan dapatan daripada kajian ini iaitu:

1. Panel pakar telah memberikan konsensus yang tinggi terhadap 15 item masalah yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam untuk menjayakan penggunaan tulisan Jawi dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam yang telah dibahagikan kepada empat aspek.
2. Panel pakar telah mencadangkan 14 langkah penyelesaian yang turut dibahagikan kepada tiga aspek untuk dilaksanakan di masa hadapan bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam.
3. Panel pakar juga bersetuju terhadap sembilan item yang dibahagikan kepada lima aspek masalah yang dihadapi oleh pelajar Pendidikan Islam dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam peringkat sekolah menengah menggunakan tulisan Jawi.
4. Sementara itu, panel pakar memberikan kesepakatan yang tinggi terhadap tujuh item jangkaan langkah-langkah penyelesaian yang dikategorikan kepada tiga aspek berdasarkan ‘event’ yang berlaku pada masa kini.

Implikasi Kajian Dan Cadangan

Dapatan kajian ini menunjukkan cadangan-cadangan yang dijangkakan diharap dapat menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam dan pelajar dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam dengan menggunakan tulisan Jawi di peringkat sekolah menengah. Menurut Awang Mohd Amin (1989) dan Suryati Abdul Manaf (2003), antara punca kelemahan pelajar dalam menguasai Jawi ialah tiada peruntukan waktu khas bagi pelajaran Jawi di sekolah menengah. Selain itu, objektif penguasaan Jawi hanya terdapat dalam Sukatan Pelajaran Jawi KBSR sahaja. Berdasarkan

fenomena ini, panel pakar bersepakat mencadangkan kepada pembuat dasar pendidikan negara khususnya KPM dan PPK mewujudkan satu kurikulum baru khas sekolah menengah untuk guru mengajar kurikulum tulisan Jawi; di samping itu pelajar-pelajar yang masih lemah penguasaannya di sekolah rendah masih dapat dibantu apabila mereka meningkat memasuki sekolah menengah.

Untuk memperkuatkannya lagi kedudukan Jawi di sekolah menengah, kemahiran penguasaan Jawi haruslah dijadikan sebagai objektif dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Oleh itu, jumlah masa belajar Jawi perlu dipertingkat lagi bukan hanya sekadar pengajaran dan pembelajaran Jawi diserap semasa mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam sahaja malah perlu diwujudkan mata pelajaran Jawi secara berasingan dengan mata pelajaran Pendidikan Islam. KPM hendaklah mewajibkan tulisan Jawi diaplikasikan sepenuhnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam, peperiksaan dalaman dan peperiksaan awam kerajaan seperti UPSR, PMR dan SPM. Usaha ini akan dapat menghidupkan kembali penggunaan Jawi kerana lazimnya individu akan berusaha bersungguh-sungguh untuk menguasai sesuatu perkara jika sistem pemarkahan atau ganjaran diberikan. Fenomena ini telah wujud di sekolah aliran agama yang sememangnya mempraktikkan kemahiran Jawi sebagai tulisan harian. Hal sedemikian kerana mereka diwajibkan mengambil subjek akademik seperti pengajian Al-Quran dan As-Sunnah, Tasawwur Islam, Pendidikan Syariah Islamiah dan Bahasa Arab selain mengambil subjek agama seperti hadis, tauhid, fiqh, balaghah dan sebagainya untuk tujuan persijilan. Bahkan pakar juga mencadangkan agar disediakan instrumen khas yang menguji kemahiran Jawi pelajar serta mewujudkan sijil khas kemahiran Jawi. Dalam zaman ini, sijil-sijil diperlukan untuk menyokong keupayaan dan kemampuan seseorang. Menurut Salasiah Hj Yoep (1996) kekerapan penggunaan tulisan Jawi dapat menggalakkan pelajar menguasai tulisan Jawi. Dengan ini panel pakar mencadangkan agar pihak sekolah juga sewajarnya menyemarakkan lagi penggunaan tulisan Jawi melalui penekanan kepada guru Bahasa Melayu. Ini kerana tulisan Jawi bukanlah hak milik Pendidikan Islam tetapi adalah asal kepada tulisan orang Melayu. KPM hendaklah memasukkan kemahiran tulisan Jawi ke dalam sukatan Bahasa Melayu di sekolah-sekolah. Usaha ini kelak akan mengubah persepsi masyarakat terhadap tulisan Jawi. Anggapan prejudis bahawa tulisan Jawi sinonim dengan Islam semata-mata hingga menyulitkan penerimaan masyarakat bukan Melayu terhadap tulisan Jawi akan terhakis melalui usaha memperkenalkan tulisan Jawi kepada semua pelajar.

KPM hendaklah mewajibkan sekolah-sekolah dan pihak-pihak tertentu mengadakan pertandingan dan peraduan menulis dalam tulisan Jawi dengan

hadiah yang lumayan. Pada peringkat sekolah perlu diadakan pertandingan menulis karya dalam tulisan Jawi selain pertandingan menulis khat. Pertandingan seumpama ini perlu diperluaskan ke peringkat daerah, negeri dan seterusnya kebangsaan. Pada peringkat yang lebih umum pula, pertandingan sebegini perlu diadakan oleh pelbagai pihak seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Pelancongan dan Kesenian dalam program yang melibatkan belia.

Ishak Abd Manaf (2006) menyatakan seramai 34.5% guru Pendidikan Islam yang memberi nota dalam tulisan Rumi. Oleh itu, guru Pendidikan juga harus bertegas dan meyakini kemampuan pelajar untuk mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dengan tulisan Jawi kerana inilah masa yang paling sesuai untuk menerapkan tulisan Jawi kepada pelajar. Guru perlu menggunakan pelbagai cara untuk menarik perhatian pelajar untuk mencintai tulisan Jawi. Kepelbagaian kaedah pengajaran dan bahan bantu mengajar mampu menarik perhatian pelajar serta menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan dan seronok. Selain itu, ibu bapa juga sewajarnya memainkan peranan yang penting untuk mendidik anak-anak mereka menguasai kemahiran Jawi dengan cara menyediakan anak-anak mereka bahan-bahan bacaan yang berkaitan dengannya dan mengambil inisiatif untuk menghantar anak-anak ke kelas pengajian Jawi. Ini bertepatan dengan Hadis Rasulullah S.A.W yang bermaksud:

“Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah, maka kedua ibu bapanya yang akan menentukan sama ada menjadi yahudi, nasrani atau majusi.” (Riwayat al-Bukhari)

Ibu bapa perlu merebut peluang dari kecanggihan teknologi masa kini yang menebarkan sayapnya dalam bidang Jawi. Umpamanya, usaha sebuah syarikat yang mengeluarkan video cakera padat yang menampilkan doa-doa harian yang ditulis dalam Jawi melalui nyanyian kanak-kanak. Usaha ini ternyata mampu menarik minat mereka untuk menguasai Jawi. Sepatutnyalah video cakera padat tersebut dipersembahkan dalam bentuk animasi yang sesuai dengan citara kanak-kanak agar dapat menanam rasa cinta untuk memartabatkan kembali tulisan Jawi ke tempat asalnya.

Rujukan

- Abdul Hamid Haji Zainal Abidin. (1995, September 4). *Perancangan strategik pelaksanaan tulisan Jawi*. Kertas kerja dibentang di Seminar Tulisan Jawi. Dewan Muktamar Pusat Islam Malaysia, Kuala Lumpur . Akta Pendidikan. (1996). *Akta 550 hingga 10 September 1996*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Amat Juhari Moain. (1995). Tulisan Jawi sebagai wahana pelestarian bahasa, budaya dan tamadun dunia Melayu. *Kumpulan Kertas Kerja Kongres Bahasa Melayu Sedunia*. Kuala Lumpur: DBP dan Kementerian Pendidikan.
- Amin Mohd Rashid. (1990). *Masalah-masalah pengajaran Pendidikan Islam (KBSR): Satu kajian persepsi guru-guru sekolah rendah*. Tesis Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Awang Mohd Amin. (1989). Tulisan Jawi ke arah penggunaannya yang lebih meluas dan berkesan. *Dewan Bahasa*, 33, 12.
- Azdalila Ali. (2006). *Jangkaan masa depan kurikulum sekolah menengah: Satu teknik Delphi di kalangan pengetua*. Laporan penyelidikan Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Bahagian Pendidikan Islam dan Moral. (1985). *Laporan kajian pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah di Malaysia*. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Berman, P., & McLaughlin, M. W. (1977). *Federal programs supporting educational change: Factors affecting implementation and continuation*. VIII. Washington, DC: US Office of Education.
- Che Pee Saad. (1993, Ogos 21-27). *Masalah-masalah dalam pelaksanaan Pendidikan Islam*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Pendidikan Islam dan Bahasa Arab, Maktab Perguruan Islam, Bangi. Selangor.
- Cyphert, F., & Gant, W. (1971). The Delphi technique: A case study. *Phi Delta Kappan*, 42, 272-273.
- Farizah Yazan. (2005). *Penguasaan tulisan Jawi di kalangan pelajar tingkatan empat di sebuah sekolah di Subang*. Laporan penyelidikan Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Fullan, M. (1983). Evaluating program implementation: What can be learned from follow through. *Curriculum Inquiry*, 13(2), 215-227.
- Fullan, M. G., & Stiegelbauer, S. (1991). *The new meaning of educational change* (Ed. Ke-2) New York, NY: Teachers College Press.
- Helmer, O. (1972). Cross impact gaming. *Futures*, 4(2), 149-167. Dimuat turun daripada <http://futuresjournal/crossimpactgaming.html/>

- Ishak Abd Manaf. (2006). *Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Jawi dalam Pendidikan Islam di kalangan pelajar tingkatan dua*. Laporan penyelidikan Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1985). *Laporan kajian mengenai kedudukan mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam di sekolah menengah*. Kuala Lumpur: KPM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1991). *Huraian sukanan pelajaran Jawi KBSR*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1992). *Huraian Sukatan Pelajaran Baru Sekolah Rendah Jawi Tahun 1 hingga 6*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kerr, J. F. (Ed.). (1986). *The problem of curriculum*. London, UK: University of London Press.
- McLaughlin, M., & Marsh, D. D. (1978). Staff development and school change. *Teachers College Record*, 80(1), 69-94.
- Mohd Paris Salleh. (2005). *Jangkaan masa depan terhadap aplikasi teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran peringkat menengah: Pandangan pakar*. Laporan penyelidikan Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nik Safiah Karim. (1998). Pengajian Bahasa Melayu dalam Pengajian Melayu di ambang alaf baru. *Jurnal: Pengajian Bahasa Melayu memasuki alaf baru*. Editor Sanat Md. Nasir & Rogayah A. Razak. (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya), 1-17.
- Nur Izzun Ibrahim. (2006, Mac 6-7). *Dasar dan perancangan Jawi di peringkat sekolah*. Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Tulisan Jawi, Pusat Islam, Kuala Lumpur.
- Pratt, D. (1980). *Validation and implementation of curriculum, design and development*. New York, NY: Harcourt Brace Jovanovich.
- Prayun Sriprasart. (1970). Delphi technique. *Journal of National Education*, 3, 50-59.
- Saedah Siraj. (2000). *Perkembangan kurikulum: Teori dan amalan*. Kuala Lumpur: Alam Pintar.
- Saedah Siraj. (2006). *Kurikulum masa depan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Saedah Siraj, & Faridah Abdullah. (2005). Jangkaan masa depan aplikasi teknologi dalam kandungan kurikulum dan penilaian sekolah menengah: Satu kajian Delphi. *Jurnal Pendidikan*, 25, 5-26.
- Saedah Siraj, & Paris Salleh. (2003). Aplikasi teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran peringkat sekolah menengah: Jangkaan masa depan. *Jurnal Pendidikan*, 23, 123-139.

- Salasiah Hj. Yoep. (1996). *Penggunaan tulisan Jawi di Malaysia, persamaan dan perbezaan serta sebab-sebabnya: Satu tinjauan khas di Sekolah Menengah Agama Khairiah, Kuala Terengganu*. Laporan penyelidikan Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Suryati Abdul Manaf. (2003). *Penguasaan tulisan Jawi: Satu kajian sosiolinguistik*. Disertasi Sarjana Pengajian Islam yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Wissema, J. G., & Benes, J. (1980, Oktober). A cross-impact case study: The Dutch construction sector. *Futures*, 394-404.
- Zahariah Ayub. (2005). *Faktor-faktor yang mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam*. Kertas projek Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Zainal Abidin Abd Qadir. (1993, November 11-12). *Kemerosotan penggunaan tulisan Jawi di Malaysia: Faktor dan cara mengatasinya*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar tulisan Jawi peringkat kebangsaan, Jitra, Kedah.
- Zali Muda. (2002). *Faktor-faktor psikologi dan permasalahan dalam pengajaran dan pembelajaran Jawi di kalangan murid darjah lima di Sekolah Kebangsaan Bukit Tunggal, Kuala Terengganu*. Maktab Perguruan Kuala Terengganu.